



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
Y A Y A S A N  
KEPIMPINAN  
PERDANA

PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	17/01/2018

**'Dr Mahathir  
lanjut usia  
tidak layak  
bertanding'** pg. 6  
BH - 17/1/2018

**Kota Bharu:** PAS menyifatkan Tun Dr Mahathir Mohamad tidak layak bertanding dalam Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14) kerana sudah melepasi usia 90 tahun, sebaliknya perlu memberi peluang kepada generasi muda untuk menjadi pemimpin.

Setiausaha Agung PAS, Datuk Takiyuddin Hassan, berkata trend pengundi ketika ini memerlukan pemimpin lebih muda, sihat, bertenaga, berketerampilan dan memenuhi cita rasa rakyat yang majoritinya golongan muda.

Justeru, beliau berpendapat, atas dasar simpati terhadap bekas Perdana Menteri itu, Dr Mahathir perlu berehat kerana sudah tidak bertenaga memimpin negara.

"Tidak pernah berlaku dalam sejarah Malaysia, Perdana Menteri yang meletak jawatan atau bersara, kemudiannya kembali bertanding.

"Bagi saya, beliau (Dr Mahathir) sudah melepasi waktu dan zaman. Malaysia ke-tandusan pemimpin yang berwibawa untuk menjadi Perdana Menteri dan mempunyai wawasan yang lebih panjang...jangan jadi Perdana Menteri dua tiga tahun, selepas itu sudah tidak mampu.

**Sokongan tiga parti**

"Apapun, saya hairan dengan amalan pakatan pembangkang kerana sebelum ini untuk membuat sebarang keputusan memerlukan persetujuan semua, namun pada kali ini difahamkan bahawa pemilihan Dr Mahathir sebagai Perdana Menteri atas dasar majoriti iaitu disokong tiga parti dan dibangkang satu parti (PKR)," katanya ketika ditemui, di sini, semalam.

Beliau berkata demikian bagi mengulas kenyataan Dr Mahathir yang akan bertanding dalam PRU-14 membabitkan satu daripada tiga kerusi Parlimen iaitu Putrajaya, Langkawi atau Kubang Pasu.

Ditanya mengenai desakan untuk menubuhkan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) terhadap tragedi Memali, Takiyuddin berkata, PAS tetap dengan pendirian menggesa kerajaan menubuhkan badan bebas itu dengan segera bagi menuntut keadilan kepada keluarga mangsa.

Beliau berkata, lebih 100 saksi di kalangan polis, orang awam dan kemungkinan wartawan dijangka akan dipanggil untuk memberi keterangan terhadap tragedi yang meragut 18 nyawa, jika RCI ditubuhkan.